



## P R E S S R E L E A S E S

### **SC warns public against investing in "spot-commodity" firms**

The Securities Commission (SC) today warned members of the public not to place their investments with so-called spot-commodity companies.

This warning follows the SC's raid on three companies in Kuala Lumpur on 9 October 2000 for carrying out illegal futures trading of commodities in foreign markets.

The three companies were disguised as "spot commodity" firms and styled themselves as commodities traders in the spot/cash market. They accepted cash from members of the public to supposedly trade in various commodities such as coffee, cotton, soybean and pork bellies.

However, the SC discovered from its investigations that the purported trading carried out by these companies is contrary to spot/cash trading given that elements of futures trading such as non-physical delivery of commodities, closing of positions to realize gains or losses, leveraged trading, acceptance of margin deposits and margin calls, "roll-over" of open positions and etc, were present.

The Futures Industry Act 1993 prohibits the establishment, operation and maintenance of a futures market unless approved by the Minister of Finance. The Act further prohibits the trading of futures contracts unless licensed by the SC. Breach of either of these prohibitions constitutes an offence which carries a punishment of a fine of up to one million ringgit or a jail sentence which may extend to 10 years or both.

The SC has received numerous complaints from members of the public concerning the practices of these "spot-commodity" companies. Very often, the business practices of companies engaging in these activities are dubious and the level of professionalism and ethics of their staff are questionable. Complainants claim that they have incurred losses ranging from tens of thousands of ringgit to more than a hundred thousand ringgit, within a matter of days.

Members of the public may wish to note that spot-commodities trading is not licensed nor supervised by the SC. However, should the product or trading mechanism of these so-called spot-commodity companies contain features of futures contracts, the activities will come under the purview of the SC. The SC has received information regarding the existence of other such "spot-commodity" companies operating in Kuala Lumpur and various towns throughout Malaysia. To help the public identify such companies and avoid falling prey to these scams, the SC has provided some pointers on their key features and modus operandi:

## P R E S S R E L E A S E S

### SPOTTING A "SPOT-COMMODITY" FIRM

- "Spot-commodity" companies generally claim that they are **"agents" for foreign trading houses**, usually incorporated in jurisdictions such as Macau, Indonesia, Singapore, the British Virgin Islands and the Bahamas.
- Although these "spot-commodity" companies claim to trade their products in the foreign market, very little evidence exists to show that these trades are transmitted to foreign commodities exchanges. In actual fact, the traders in these companies practice what is known as "bucketing" i.e. where they execute customers' orders for their own account instead of on the market, with the hope of profiting from an offsetting transaction at a future time.
- These "spot-commodity" companies would solicit investments from investors through their "business consultants" or "managers", who are in fact traders, through **cold calls**.
- The companies would also attract business by **recruiting new staff**, who are then encouraged to invest and/or bring in friends and relatives as investors. These "spot-commodity" companies would advertise for new staff to fill in posts such as Executive, Administrative Assistant or Clerk, via the classified sections of local newspapers. A prospective employee is then interviewed and given a few days of "training". At the end of the training, these employees are encouraged to invest their savings in the products and/or to attract other investors. In some cases, these employees are threatened with "no pay" unless investments are made or brought in.
- To invest, the investors are generally asked to pay an initial sum called **"margin deposit"** which may range from an equivalent of USD3,000 to USD5,000. The investors are then advised that their investments are relayed to the company's foreign principal. Usually, investors are asked to sign a trade agreement purportedly with the company's foreign principal.
- The **business hours** of these companies begin at night until the wee hours of the morning, to create a legitimate front of having to coincide with the trading hours of foreign commodities exchanges such as those in New York and Chicago. The traders would normally refer to Reuters, Bernama and other online information providers to further convince investors of their legitimacy.
- Complainants who have come forward to the SC confirmed that their initial margin deposits were depleted within a matter of days, resulting in **"margin calls"**. Margin calls are requests from spot-commodity companies to their clients for additional deposits in order for trading to continue. More often than not, the companies encourage the investors to continue trading to recoup their losses. Additional deposits are then made and the process is repeated, resulting in the investor suffering increasing losses. In some cases, investors' accounts show occasional



## P R E S S R E L E A S E S

trading profits. However, investors face difficulty in cashing-in their gains, and eventually, all their investments are lost. In almost all cases, investors have no control over the manner of trading in their accounts, as they would have signed-over authority to the company's traders to execute trades on their behalf.

The SC warned the public that these "spot-commodity" companies have the tendency to change their names and premises every now and then to avoid detection from relevant authorities. They might also modify their modus operandi and practices to deceive ignorant investors.

Members of the public who wish to trade in commodities are reminded to do so via a duly licensed futures broker. The SC's website provides a periodically [updated list of licensed futures brokers](#).

The SC encourages members of the public who are in doubt of the licensing status of any company or individual trading in securities to contact the following:

**Complaints Unit**  
**Tel: 03-6204 8999**  
**Fax: 03-6204 8991**  
**E-mail: [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)**

**SECURITIES COMMISSION**  
**1 November 2000**

## P R E S S R E L E A S E S

### **SC Memberi Peringatan kepada Orang Ramai mengenai Pelaburan dalam Syarikat "Komoditi Lani (Spot)"**

Suruhanjaya Sekuriti (SC) hari ini memberi peringatan kepada orang ramai supaya tidak membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat yang dikenali sebagai syarikat komoditi lani.

Amaran ini berikutan serbuan oleh SC ke atas tiga buah syarikat di Kuala Lumpur pada 9 Oktober 2000 kerana menjalankan dagangan komoditi niaga hadapan secara haram di pasaran luar negara.

Tiga syarikat tersebut menyamar sebagai syarikat "komoditi lani" dan menganggap diri mereka sebagai pedagang komoditi dalam pasaran lani/tunai. Mereka menerima wang tunai daripada orang ramai bagi menjalankan dagangan dalam pelbagai komoditi seperti kopi, kapas, kacang soya dan perut babi.

Walau bagaimanapun, melalui penyiasatannya SC mendapati dagangan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah bertentangan dengan dagangan lani/tunai memandangkan terdapatnya unsur-unsur dagangan niaga hadapan seperti penghantaran bukan fizikal komoditi, penutupan kedudukan bagi mendapat keuntungan atau kerugian, dagangan leveraj, penerimaan deposit margin dan panggilan margin, "peralihan" kedudukan terbuka dan sebagainya.

Aktiviti-aktiviti ini membolehkan sesebuah syarikat atau individu dikenakan tindakan undang-undang. Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 melarang penubuhan, operasi dan penyelenggaraan sesebuah pasaran niaga hadapan kecuali ia telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Akta tersebut juga melarang dagangan kontrak-kontrak niaga hadapan kecuali yang diberi lesen oleh SC. Pelanggaran mana-mana larangan ini merupakan satu kesalahan yang membawa hukuman denda sehingga satu juta ringgit atau hukuman penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

SC telah menerima banyak aduan daripada orang ramai mengenai aktiviti syarikat-syarikat "komoditi lani" ini. Selalunya, amalan perniagaan syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini adalah meragukan dan tahap profesionalisme dan etika kakitangan mereka boleh dipertikaikan. Para pengadu mendakwa bahawa mereka telah mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu ringgit hingga melebihi satu ratus ribu ringgit, dalam masa beberapa hari.

Orang ramai adalah dimaklumkan bahawa dagangan komoditi lani tidak diberikan lesen atau dikawal selia oleh SC. Walau bagaimanapun, jika produk atau mekanisme dagangan syarikat komoditi lani ini mempunyai ciri-ciri kontrak niaga hadapan, aktiviti-aktiviti tersebut adalah di bawah bidang kuasa SC. SC telah menerima maklumat mengenai kewujudan syarikat "komoditi lani" sedemikian yang beroperasi di Kuala Lumpur dan di beberapa bandar di seluruh Malaysia. Bagi membantu orang ramai mengenali syarikat-syarikat ini dan mengelak daripada menjadi mangsa penipuan ini, SC menyediakan beberapa panduan mengenai ciri-ciri penting dan kaedah operasi syarikat-syarikat ini:

## P R E S S R E L E A S E S

### MENGENALI SESEBUAH SYARIKAT "KOMODITI LANI"

- Syarikat "komoditi lani" biasanya mendakwa bahawa mereka adalah **"ejen" bagi rumah-rumah dagangan asing**, yang biasanya ditubuhkan dalam bidang kuasa seperti Macau, Indonesia, Singapura, Kepulauan British Virgin dan Bahama.
- Walaupun syarikat "komoditi lani" ini mendakwa memperdagangkan produk mereka dalam pasaran asing, terdapat bukti yang amat kecil yang menunjukkan dagangan ini disalurkan kepada bursa-bursa komoditi asing. Sebenarnya, pedagang-pedagang syarikat ini mengamalkan apa yang dikenali sebagai "bucketing", di mana mereka melaksanakan pesanan pelanggan bagi akaun mereka sendiri dan bukannya di pasaran, dengan harapan mengaut keuntungan daripada sesuatu urusan niaga 'offset' pada masa hadapan.
- Syarikat "komoditi lani" ini mendapatkan pelaburan daripada para pelabur melalui "perunding perniagaan" mereka atau "pengurus", yang sebenarnya adalah pedagang, melalui **panggilan rambang**.
- Syarikat-syarikat tersebut juga menarik peluang perniagaan dengan mengambil **kakitangan baru**, yang kemudiannya digalakkan untuk melabur dan/atau membawa masuk rakan-rakan atau saudara-mara sebagai pelabur. Syarikat "komoditi lani" ini akan membuat iklan bagi kakitangan baru untuk mengisi jawatan-jawatan seperti Eksekutif, Pembantu Pentadbir atau Kerani, melalui ruang iklan di surat khabar tempatan. Seseorang kakitangan yang layak kemudiannya ditemu duga dan diberikan "latihan" beberapa hari. Pada akhir latihan tersebut, kakitangan ini digalakkan untuk melabur simpanan mereka dalam produk tersebut dan/atau menarik pelabur lain. Dalam beberapa kes, kakitangan ini diugut dengan "tiada gaji" sehingga pelaburan dibuat atau dibawa masuk.
- Untuk melabur, para pelabur biasanya diminta untuk membuat bayaran permulaan yang dipanggil **"deposit margin"** berjumlah sekitar USD3,000 hingga USD5,000. Pelabur kemudian dinasihatkan bahawa pelaburan mereka akan disalurkan kepada prinsipal asing syarikat tersebut. Biasanya pelabur akan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dagangan, kononnya, dengan prinsipal asing syarikat tersebut.
- **Waktu Perniagaan** syarikat-syarikat ini bermula pada sebelah malam sehingga awal pagi, bagi mewujudkan alasan yang munasabah agar berbetulan dengan waktu dagangan bursa-bursa komoditi asing seperti di New York dan Chicago. Pedagang-pedagang tersebut biasanya merujuk kepada Reuters, Bernama dan pembekal maklumat atas talian lain bagi meyakinkan pelabur mengenai kesahihan mereka.

## P R E S S R E L E A S E S

- Pengadu-pengadu yang telah tampil kepada SC mengesahkan bahawa deposit margin permulaan mereka telah hilang dalam masa beberapa hari, yang mengakibatkan "**panggilan margin**". Panggilan margin merupakan permintaan syarikat komoditi lani kepada pelanggan mereka bagi deposit tambahan untuk meneruskan dagangan. Selalunya, syarikat tersebut menggalakkan para pelabur untuk terus membuat dagangan untuk menampung kerugian mereka. Deposit tambahan kemudian dibuat dan proses ini akan berulang, yang mengakibatkan pelabur mengalami kerugian yang bertambah. Dalam beberapa kes pula, akaun pelabur menunjukkan keuntungan dagangan sekali-sekala. Walau bagaimanapun, pelabur menghadapi kesukaran dalam menunaikan keuntungan mereka, dan akhirnya, kesemua pelaburan mereka hilang. Dalam kebanyakan kes, pelabur tidak mempunyai kawalan ke atas kaedah dagangan dalam akaun mereka, kerana mereka telah memindahkan hak kepada pedagang syarikat tersebut untuk melaksanakan dagangan bagi pihak mereka.

SC memberi peringatan kepada orang ramai bahawa syarikat "komoditi lani" ini cenderung untuk menukar nama dan premis mereka setiap masa untuk mengelak daripada dikesan penguat kuasa berkaitan. Mereka juga mengubah kaedah operasi dan amalan perniagaan mereka untuk menipu pelabur yang tidak mengambil tahu.

Orang ramai yang ingin membuat dagangan dalam komoditi adalah diingatkan untuk berbuat demikian melalui broker niaga hadapan berlesen. Laman web SC menyediakan [senarai broker niaga hadapan berlesen](#) yang dikemas kini secara berkala.

SC menggalakkan orang ramai yang tidak pasti mengenai status lesen mana-mana syarikat atau individu yang berdagang dalam sekuriti untuk menghubungi alamat berikut:

Unit Pengaduan  
**Tel: 03-6204 8999**  
**Faks: 03-6204 8991**  
**E-mel: [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)**

**SURUHANJAYA SEKURITI**  
**1 November 2000**